

Perkasa makin dapat sokongan - Dr. Mahathir
Utusan Online
05 Mac, 2013

BAGAN SERAI 4 Mac - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) sekali lagi membuktikan mereka mendapat sokongan ramai selepas berjaya mengumpulkan lebih 15,000 orang dalam Program Perhimpunan Rakyat bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad di Dataran Bagan Serai di sini semalam.

Ini merupakan perhimpunan kedua anjuran Perkasa Perak bersama bekas Perdana Menteri itu selepas perhimpunan pertama di Pasir Salak pada 2011 berjaya menarik kehadiran lebih 15,000 orang dari seluruh negeri ini.

Sambutan luar biasa dalam perhimpunan semalam dapat dilihat selepas lebih 10,000 kerusi yang disediakan penganjur tidak dapat menampung bilangan hadirin sehingga ramai terpaksa bersesak-sesak di sekeliling khemah untuk melihat dan mendengar ucapan Dr. Mahathir.

Mereka yang hadir terdiri daripada ahli Perkasa serta penduduk setempat yang tiba seawal pukul 2 petang untuk mendengar amanat daripada negarawan itu yang memberikan sumbangan amat besar kepada pembangunan negara sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Malah, hujan lebat di pertengahan program itu juga tidak menghalang hadirin daripada terus berada di dalam khemah dan menunggu sehingga Dr. Mahathir menamatkan ucapan.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam ucapannya berkata, beliau pada mulanya tidak percaya apabila Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali memaklumkan perhimpunan tersebut akan mendapat sambutan hebat orang ramai semasa dijemput menyampaikan amanat.

"Dialah (Ibrahim) yang menubuhkan Perkasa dan hari ini, Perkasa mendapat sambutan yang amat besar.

"Dia tidak payah belanja banyak, dia panggil sahaja orang ramai datang dan saya bersyukur kerana hari ini, terdapat kumpulan yang amat besar dan inilah yang memberikan kekuatan dan perpaduan kepada kita," katanya semasa berucap lebih sejam dalam program tersebut.

Menurut Dr. Mahathir, sewaktu melawan British dahulu, orang Melayu tidak ada senjata dan wang namun boleh bersatu tanpa mengira latar belakang sama ada berpendidikan Inggeris, Melayu atau agama.

Katanya, ketika itu juga orang Melayu tidak berpecah kerana tidak ada tindakan mengkafirkan kumpulan tertentu seperti yang dilakukan Pas terhadap UMNO pada masa sekarang.

"Kita bersatu sebagai orang Islam dan Melayu yang berasa bertanggungjawab kepada negara yang mahu dirampas British dari tangan kita.

"British rasa takut apabila kita bersatu sehingga mereka terpaksa melepaskan Malayan Union dan menerima cadangan daripada UMNO agar Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130305/dn_22/Perkasa-makin-dapat-sokongan---Dr-Mahathir